**BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA**

- Kedaulatan-konsep kenegaraan diamalkan dari zaman Yunani
- Mempunyai ciri tertentu yg menjamin hak dan kebebasan
- Kedaulatan penting utk mengekalkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial
- Pemerintah dan rakyat bertanggungjawab pertahankan kedaulatan / kekalkan keunikan identiti negara bangsa Malaysia

## 1.1 Konsep Kedaulatan

| Takrif Kedaulatan | | | |
|---|---|---|---|
| - Kekuasaan tertinggi<br>- Kewibawaan sesebuah negara yang bebas<br>- Mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan<br>- Dilihat sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka<br>- Kemerdekaan negara 31 Ogos 1957 dan pembentukan Malaysia 16 Sept 1963 mengukuhkan negara bangsa kita bebas dan berdaulat | | | |
| Yunani | Inggeris | Arab | Melayu |
| ***supernuus /superanus*** | ***sovereignty*** | ***daulah*** | ***daulat*** |
| agung / tertinggi / negara bebas dan merdeka | negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan | kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan | kuasa tertinggi terhadap pemerintahan negara |
| Kesimpulan : merujuk kuasa tertinggi sesebuah kerajaan bagi menjalankan pemerintahan negara yang bebas dan merdeka | | | |

| Pandangan Tokoh | |
|---|---|
| Aristotle<br> | - Ahli falsafah Yunani<br>- Kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan sesebuah negara<br>- Kerajaan yang terikat oleh undang² |
| Ibnu Khaldun<br> | - Ilmuan Islam<br>- Kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara<br>- berasaskan semangat kekitaan bangsanya<br>- kekuatan semangat beragama<br>- kerelaan sesuatu bangsa berkorban demi mencapai cita² yang sama |
| Jean Bodin<br> | - ahli falsafah politik Perancis<br>- kuasa tertinggi dalam sesebuah negara<br>- mempunyai sifat kekal<br>- mempunyai kuasa tidak terbatas untuk membuat undang², mentafsir dan melaksanakannya |
| Tunku Abdul Rahman<br> | - Perdana Menteri Malaysia Pertama<br>- Prinsip kebebasan dan keadilan<br>- Memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat |
| Tun Dr. Mohamed Salleh Abas<br> | - Mantan Ketua Hakim Negara<br>- Asas negara yang merdeka<br>- Memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa bersama hak dan kuasa untuk mengatur urusan<br>dalam negeri tanpa telunjuk asing |

| Jenis Kedaulatan | |
|---|---|
| 1. Kedaulatan tradisional | - Sistem pemerintahan berkuasa mutlak yang menguasai sepenuhnya segala urusan negara<br>- Wujud sejak tamadun awal manusia<br>- Negara kita berpaksi pada kedaulatan Raja-raja Melayu (kekuasaan dan kewibawaan raja)<br>- Raja mempunyai kuasa tertinggi<br>- Kedaulatan raja diperkukuh oleh taat setia rakyat |
| 2. Kedaulatan moden | - Dikaitkan dengan idea kemunculan negara bangsa selepas Revolusi Keagungan di England dan Revolusi Perancis<br>- Dikaitkan dengan hak rakyat dan kerajaan berpelembagaan<br>- Selepas Perang Dunia 1, dikaitkan dengan nasionalisme persamaan rumpun bangsa dan bahasa untuk membentuk negara bangsa masing²<br>- Kedaulatan negara kita sebagai sebuah negara bangsa, lahir hasil gabungan negeri yg dikenali sbg Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Persekutuan Malaysia 1963 |
| 3. Kedaulatan Undang-undang | - Maksud: **kerajaan dan rakyat terikat oleh undang²** yang perlu dipatuhi<br>- Peranan: menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat , negara aman / stabil/ makmur<br>- Badan kehakiman yg bebas dan berwibawa diwujudkan untuk memelihara dan melaksanakan kedaulatan undang²<br>- Prinsip Rukun Negara ke-4 |
| 4. Kedaulatan Antarabangsa | - **Pengiktirafan PBB** terhadap sesebuah negara yg tidak boleh dicabuli oleh negara lain<br>- **Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970** mengesahkan prinsip persamaan kedaulatan dari segi undang² antarabangsa<br>- Keanggotaan negara kita dalam PBB bukti dunia iktiraf negara kita bebas, merdeka dan berdaulat |
|  | *Dr Ismail Abdul Rahman (kiri), Ismail Ali dan Tunku Ja'afar mendengar ucapan pembukaan di Perhimpunan Agung PBB ke-12 sewaktu Tanah Melayu diterima sebagai* ***ahli ke-82 pada 17 Sept 1957*** |
| Rumusan | - Negara berdaulat berkuasa penuh mengatur hal dalam wilayah tanpa campur tangan kuasa asing<br>- Kesedaran cabaran mempertahankan negara<br>- Rakyat perlu bijaksana hadapi cabaran demi kedaulatan negara |

### 1.2 Ciri Negara yang Berdaulat

| | |
|---|---|
| 1. Mempunyai Pemerintahan | - Untuk menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan dan ekonomi<br>- Secara teratur<br>- Malaysia amal sistem Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen<br>- Ketua Utama Negara –YDPA<br>- Ketua Kerajaan – Perdana Menteri yg dibantu Jemaah Menteri |
| *Maksud Raja Berpelembagaan* | - *Pemerintahan beraja mengikut peruntukkan Perlembagaan persekutuan*<br>- *Terdapat 3 institusi Beraja*<br>*i) YDPA peringkat persekutuan*<br>*ii) Institusi Beraja peringkat negeri*<br>*iii) Majlis Raja-Raja* |
| *Maksud Demokrasi Berparlimen* | - *Demokrasi yg dijalankan secara perwakilan melalui proses pilihanraya* |
| 2. Mempunyai Sempadan | - Garis pemisah antara negeri / negara<br>- Malaysia kongsi sempadan darat, air, udara dengan Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei dan Filipina<br>- Sempadan Malaysia diiktiraf PBB<br>- Penetapan sempadan memudahkan urusan pemerintahan, pentadbiran, pertahanan, pembangunan ekonomi |



Peta menunjukkan sempadan Malaysia dengan negara jiran di Asia Tenggara.

| | |
|---|---|
| 3. Mempunyai Perundangan | - Kepentingan undang²<br>i) memelihara kesejahteraan<br>ii) menjamin keadilan<br>iii) melindungi rakyat |


Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen ke-14 pada 18 Mei 2020.

| | |
|---|---|
| 4. Mempunyai rakyat | - Penduduk di sesebuah negara<br>- Terikat kepada undang² / peraturan<br>- Rakyat negara kita pelbagai kaum, agama, adat resam<br>- Disatukan melalui satu bahasa dan kebudayaan, Rukun Negara dan identiti nasional yg sama |



Setem kenangan berkaitan dengan keunikan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.

- Ciri negara berdaulat menjadikan Malaysia unik
- Pentingnya menjiwai dan mempertahankan identiti negara agar dihormati negara luar

### 1.3 Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat

| | |
|---|---|
| 1. Keberkesanan Pentadbiran | - Negara bebas mentadbir tanpa campurtangan luar<br>- Dilaksanakan oleh Jemaah Menteri dan Kerajaan Negeri melalui pengagihan kuasa<br>- Pentadbiran diperkukuh melalui undang² dalam Perlembagaan Persekutuan |


Mesyuarat Jemaah Menteri diadakan pada tahun 1990 dipengerusikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad (lima dari kiri). Keberkesanan pentadbiran melalui Sistem Jemaah Menteri masih kekal diamalkan hingga hari ini.

| | |
|---|---|
| 2. Kemakmuran ekonomi | - Selepas merdeka usaha dilakukan untuk majukan taraf hidup rakyat<br>- Meliputi bidang pertanian, perindustrian, perdagangan melalui dasar pembangunan negara |


Tun Abdul Razak Hussein (depan), Perdana Menteri Malaysia kedua melawat kawasan luar bandar bagi memantau pelaksanaan program pertanian.

| | |
|---|---|
| 3. Kesejahteraan sosial | - Negara dapat melahirkan generasi berilmu dan berkemahiran melalui pendidikan bagi membangunkan negara<br>- Bahasa kebangsaan, kebudayaan, sukan dan Rukun Negara diperkenal utk memupuk muhibah dan perpaduan rakyat pelbagai kaum |


Pasukan bola sepak kebangsaan yang berjaya melayakkan diri ke Sukan Olimpik 1972. Pasukan ini diwakili oleh pemain berbilang kaum.

| | |
|---|---|
| 4. Kecemerlangan hubungan luar negara | - Kepentingan kedaulatan<br>i) menjalinkan hubungan dengan negara lain melalui penggubalan dasar luar<br>ii) menjalinkan hubungan diplomatik dan persahabatan dgn negara lain<br>iii) mengadakan perjanjian dan kerjasama dalam pelbagai bidang<br>- Kesannya<br>i) Mendapat faedah/ kelebihan dalam usaha mempertahankan kedaulatan<br>ii) Meningkatkan imej negara<br>iii) Masyarakat antarabangsa mengakui peranan dan kebolehan negara setaraf dgn negara lain di dunia |


Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia ketiga (kanan) bertemu dengan Anwar Sadat, Presiden Mesir (kiri) di Mesir pada tahun 1977 untuk mengukuhkan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Mesir.

### 1.4 Langkah Mempertahankan Kedaulatan

| Mewujudkan Kestabilan Politik dan Kemakmuran Ekonomi | |
|---|---|
| Pemerintah | - Wujudkan pentadbiran cekap<br>- Elak rasuah dalam pentadbiran<br>- Memastikan agihan sumber kekayaan adil kepada semua kaum melalui dasar pembangunan ekonomi<br>- Melaksanakan undang² negara menurut perlembagaan secara berkesan |
| Rakyat | - Setia kepada raja dan negara<br>- Sokong usaha dan dasar kerajaan<br>- Kerjasama dengan semua kaum supaya agihan kekayaan dinikmati semua<br>- Patuh undang² negara |

| Mengekalkan Perpaduan Kaum | |
|---|---|
| Pemerintah | - Gubal dasar/ undang² tentang perpaduan / integrasi nasional<br>- Memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar berkaitan dengan bahasa, pendidikan dan kebudayaan oleh kementerian / agensi<br>- Merangka program serta kempen / integrasi nasional<br>- Peruntukan perbelanjaan utk program perpaduan |
| Rakyat | - Menggunakan bahasa kebangsaan / hayati Rukun Negara<br>- Memahami dan hormati agama / budaya pelbagai kaum<br>- Amal perkongsian , toleransi, saling hormat sesama rakyat<br>- Melibatkan diri dalam program kemasyarakatan |

| Memupuk patriotisme | |
|---|---|
| *Maksud* | - *Perasaan cinta yang mendalam terhadap negara*<br>- *Sanggup mempertahankan sejarah, bahasa, undang², warisan dan budaya*<br>- *Nadi kebebasan / kestabilan / kemajuan negara*<br>- *Patriotisme penting untuk melahirkan pemimpin dan rakyat yg setia / sanggup berkorban demi negara* |
| Pemerintah | - Menganjur Hari Kebangsaan / Hari Pahlawan<br>- Wajibkan Sejarah sbg mata pelajaran teras<br>- Anjur kempen / terbitkan filem / rencana melalui pelbagai media<br>- Beri pengiktirafan kepada rakyat yang berjasa dengan abadikan nama pada bangunan dan jalan |
| Rakyat | - Hormat lambang negara spt Jalur Gemilang / Jata / Lagu Negaraku<br>- Menyanjung / menghargai adat / warisan<br>- Meningkatkan imej negara dengan melakar kejayaan dlm bidang pendidikan, sukan, ekonomi<br>- Menghargai tokoh pelbagai kaum yang berjuang untuk kedaulatan negara |

| Mengukuhkan Pertahanan Negara | |
|---|---|
| Pemerintah | - Gubal dasar / undang² utk melindungi keselamatan negara<br>- Mengadakan perjanjian pertahanan / latihan ketenteraan bersama² negara serantau dan antarabangsa<br>- Memodenkan aset ketenteraan<br>- Memastikan pasukan keselamatan sentiasa bersiap siaga hadapi cabaran semasa |
| Rakyat | - Peka terhadap isu keselamatan negara spt beri maklumat pencerobohan sempadan negara<br>- Elakkan kolaborasi dengan pihak luar<br>- Menganggotai pasukan keselamatan / sukarelawan<br>- Sanggup berkorban demi mempertahankan kedaulatan negara |